



PERATURAN PERTANDINGAN SUKAN SEPAK TAKRAW
KEJOHANAN SUKAN MADANI KPKM 2026 (SMK26)



I. PENGANJURAN

Pertandingan acara sukan sepak takraw dalam Kejohanan Sukan Madani Kementerian Pertanian dan Keterjaminan Makanan (KPKM) 2026 (SMK26) ini dianjurkan oleh Kelab Tani KPKM dengan kerjasama dan keterlibatan sepenuhnya daripada Persatuan Sukan Rekreasi Putrajaya (PSRP) selaku vendor utama, selain memainkan peranan di dalam Jawatankuasa Teknikal dan Pertandingan bersama Pegawai Teknikal yang telah dilantik di kalangan warga Jabatan dan Agensi di bawah KPKM.

II. BUTIRAN PERTANDINGAN

Tarikh (hari): **10 Oktober 2026 (Sabtu)**

Masa : **bermula 8.00 pagi**

Lokasi : **Gelanggang Sepak Takraw Presint 18R8, Putrajaya**

III. PENDAFTARAN

1. Setiap Kelab Sukan dan Kebajikan Jabatan/Agensi di bawah KPKM hendaklah menghantar borang pendaftaran peserta, terbuka kepada semua warga kerja di bawah agensi masing-masing, seperti berikut:
 - (a) Peserta :
5 orang pemain: Tiga (3) pemain dan dua (2) pemain simpanan.
 - (b) Kategori Acara :
Acara Regu (ditetapkan terbuka 1 pasukan sahaja).
2. Setiap regu terdiri daripada 3 orang pemain (Tekong, Apit Kiri, Apit Kanan) di dalam gelanggang semasa perlawanan dijalankan.
3. Pengurus pasukan atau ketua pasukan boleh membuat pindaan nama pemain kepada Jawatankuasa Teknikal dan Pertandingan tiga puluh (30) minit sebelum perlawanan bermula. Selepas itu, pindaan nama pemain tidak dibenarkan.
4. Pemain yang gagal menghadirkan diri ke gelanggang untuk sesuatu acara selepas lima (5) minit panggilan pertama dibuat akan dikira tidak bertanding dan kemenangan percuma akan diberikan kepada pemain lawan yang hadir.
5. Pertukaran dan penggantian tidak boleh dilakukan selepas susunan pemain-pemain telah ditetapkan dan diserahkan kepada penganjur.
6. Setiap pasukan perlu menyediakan sekurang-kurangnya dua (2) set jersi yang berlainan warna dan bernombor, bagi mengelakkan kekeliruan semasa perlawanan. Sekiranya berlaku persamaan warna jersi antara kedua-dua pasukan, pasukan yang dinamakan sebagai pelawat hendaklah menukar jersi kepada warna yang berbeza seperti yang diarahkan oleh pengadil.

7. Status Pemain: Pemain yang berstatus pemain/bekas pemain Kebangsaan/Negeri dibenarkan menyertai kejohanan ini dengan syarat beliau merupakan Ahli Kelab Sukan dan Kebajikan Jabatan/Agensi di bawah KPKM.
8. Pemain yang didaftarkan adalah warga kerja yang berkhidmat di dalam agensi tersebut sahaja. Tiada sebarang pinjaman pemain dari agensi lain boleh dilakukan untuk tujuan pendaftaran.
9. Sekiranya penganjur mendapati mana-mana regu gagal mematuhi peraturan yang ditetapkan, pihak penganjur berhak membatalkan penyertaan regu berkenaan dari menyertai kejohanan ini.

IV. **FORMAT PERTANDINGAN**

1. Sistem Liga

Setiap pasukan yang bertanding akan diberi mata berdasar format berikut:-

PENENTUAN	MATA / MARKAH
Menang	2
Kalah	0

Sekiranya setelah semua perlawanan diperingkat liga selesai, dua pasukan atau lebih didapati memperolehi jumlah mata yang sama, maka tatacara mengikut susunan kaedah berikut akan diambil kira untuk menentukan pemenang.

- (a) Jumlah *game* menang dan kalah;
 - (b) Jumlah mata (*point set*) yang terbanyak; dan
 - (c) Perlawanan semasa liga (*head-to-head*);
2. Pertandingan dijalankan secara liga berkumpulan dan jumlah kumpulan akan ditentukan berdasarkan jumlah penyertaan kelak. Perlawanan secara berkumpulan bagi setiap kategori acara akan dijalankan serentak. Kemudian, perlawanan akan dilaksanakan mengikut jadual yang telah ditetapkan berdasarkan undian kumpulan.
 3. Taklimat pengurus dan undian akan ditentukan kemudian oleh pihak penganjur.
 4. Johan dan Naib Johan Kumpulan akan mara ke pusingan kalah singkir.
 5. Pihak Jawatankuasa Teknikal dan Pertandingan bersama Jawatankuasa Pengelola Perlawanan berhak menjalankan undian bagi pihak sekiranya tiada wakil yang hadir semasa proses undian dijalankan.

V. SYARAT DAN CARA PERTANDINGAN

1. Pertandingan ini akan dijalankan mengikut Persekutuan Sepaktakraw Antarabangsa (ISTAF) yang berkuatkuasa dan telah diterima oleh Persekutuan Sepaktakraw Malaysia (PSM).
2. Keseluruhan pertandingan akan diadili oleh pengadil bertauliah dari Persatuan Sepak Putrajaya (PESTAP) yang diketuai oleh seorang Ketua Pengadil.
3. Semua jadual perlawanan termasuk tarikh, masa dan tempat perlawanan akan ditetapkan oleh Jawatankuasa Penganjur Kejohanan.
4. Semua regu yang bertanding dikehendaki berada dan sedia untuk bermain di tempat pertandingan 15 minit sebelum perlawanan dimulakan. Regu yang gagal berada gelanggang yang telah ditetapkan selepas 5 minit daripada masa yang telah ditetapkan, akan dikira terbatal (*walkover*). Regu yang *walkover* dalam perlawanan pertama akan dikira kalah dalam semua perlawanan.
5. Tarikh, masa dan tempat pertandingan yang telah ditetapkan/dijadualkan sama sekali tidak boleh diminta tangguh atau diubahsuai oleh pasukan atau regu yang mengambil bahagian.
6. Pihak penganjur berhak dan berkuasa menangguhkan atau mengubah sesuatu perlawanan dengan memaklumkan kepada regu yang terlibat atau diputuskan dengan serta merta tanpa diberitahu terlebih dahulu.
7. Mana-mana regu yang menarik diri pada pusingan awal (peringkat Kumpulan) akan dianggap tidak mengambil bahagian dalam kejohanan ini.
8. Borang susunan pemain hendaklah dikemukakan kepada Ketua Pengadil 30 minit sebelum pertandingan bermula dan apabila telah disahkan, tidak boleh diubah dalam keadaan apa sekali pun.
9. Hanya pemain-pemain yang didaftarkan dalam Borang Penyertaan sahaja dibenarkan bermain di sepanjang pertandingan ini.
10. Perlawanan akan dilaksanakan sebanyak satu (1) set sahaja bagi setiap perlawanan dengan menggunakan sistem kiraan 30 mata (*rally point*) tanpa tambahan mata (*deuce*). Pertukaran gelanggang dilakukan pada kiraan mata ke-15 dan akan diberi masa rehat selama 2 minit.
11. Ketika servis dibuat, pemain tekong wajib meletakkan satu kaki dalam bulatan servis. Manakala, pemain apit hendaklah melambung bola dalam tempoh masa 5 saat selepas mendapat arahan pengadil.
12. Kesalahan akan dikenakan kepada situasi sentuhan bola lebih daripada tiga (3) kali, kaki memijak garisan semasa melakukan servis dan anggota badan menyentuh jaring semasa melakukan hadangan atau rejaman.
13. Pertandingan ini melibatkan acara regu dengan kemenangan ditentukan mengikut pasukan yang berjaya mendapatkan mata mata ke-30.

14. Jawatankuasa akan menyediakan bola sepak takraw rasmi pertandingan iaitu jenis sintetik yang diluluskan oleh ISTAF.
15. Pemain diwajibkan memakai kasut gelanggang tertutup (*non-marking sole*) berdasarkan tatacara yang ditetapkan di tempat acara sukan diadakan.
16. Pertukaran pemain boleh dibuat dengan pemain simpanan pada bila-bila masa semasa perlawanan dijalankan. Pemain yang telah digantikan boleh bertukar ganti/ dimasukkan semula untuk bermain dalam perlawanan tersebut.
17. Setiap regu diwajibkan memakai jersi seragam serta bernombor. Seluar 3 suku (*3 quarter*) dibenarkan. Pakaian menutup aurat adalah digalakkan. Armband juga diwajibkan dipakai bagi setiap ketua regu ketika perlawanan.
18. Sebarang kejadian yang tidak diingini atau kemalangan sepanjang kejohanan adalah tanggungjawab sendiri/pasukan dan tidak akan ditanggung oleh pihak penganjur.
19. Perlawanan di peringkat separuh akhir, penentuan tempat ketiga dan keempat dan perlawanan akhir akan menggunakan format *best of three* dengan menggunakan kiraan 15 mata untuk setiap set.
20. Sekiranya timbul apa-apa persoalan yang tidak diliputi oleh undang-undang, syarat penyertaan dan pertandingan atau mana-mana peraturan, ianya akan diputuskan berasaskan prinsip-prinsip am dan amalan biasa yang diterima umum.

VI. PENGADILAN

Pihak Jawatankuasa akan menyediakan pengadil-pengadil yang bertauliah, di sepanjang pertandingan yang akan diadakan. Keputusan pengadil adalah **muktamad**.

VII. BANTAHAN

Sebarang bantahan hanya boleh dibuat oleh pengurus atau ketua pasukan sahaja dan hendaklah dibuat secara lisan kepada pengadil yang bertugas ketika itu. Kemudian, bantahan bertulis secara rasmi hendaklah dikemukakan tidak lewat daripada 30 minit selepas tamat perlawanan tersebut. Borang bantahan rasmi hendaklah ditandatangani oleh Pengurus Pasukan dan disertakan dengan wang cagaran sebanyak RM300.00 (Tunai). Wang cagaran ini tidak akan dikembalikan sekiranya bantahan itu gagal atau ditolak.

Sebarang keputusan yang dibuat dari keputusan jawatankuasa bantahan dan tatatertib adalah **muktamad**.

VIII. HAK JAWATANKUASA TEKNIKAL DAN PERTANDINGAN

Jawatankuasa adalah berhak untuk meminda/ menambah peraturan yang difikirkan perlu untuk memastikan kelancaran kejohanan dan sebarang keputusan adalah **muktamad**.

Jawatankuasa Pelaksana (Teknikal dan Pertandingan)
Sukan Madani KPKM 2026 (SMK26')